

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HGT 211 - Teknik-Teknik Dalam Geografi I

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN (9) soalan dalam EMPAT (4) muka surat

Jawab TUJUH (7) soalan. SEMUA LIMA (5) soalan daripada Bahagian A MESTI dijawab dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan adalah berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia Siri L 7030, Padang Besar (Lembar 3270). Semua jawapan hendaklah berdasarkan bukti-bukti daripada peta sahaja.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan (60 markah)

1. (a) Dengan menggunakan sebarang kaedah yang sesuai, tentukan kelajuan purata sebuah kereta jika seseorang hendak bertolak dari Kg. Jelutong (PG566207) ke Kg. Titi Tampang (PG542234) dalam masa 20 minit. Berikan jawapan dalam unit km sejam.

(4 markah)

- (b) Kirakan keluasan kawasan padang rumput yang terdapat di sekitar Kemajuan Tanah Rimba Mas-Mas Peringkat I (PG580357). Berikan jawapan dalam unit km persegi.

(4 markah)


- (c) Dengan menggunakan kaedah grafik, tentukan adakah seorang yang berdiri di atas jambatan (PG536395) dapat melihat puncak 304 meter (PG500408) atau tidak.

(4 markah)

2. (a) Apakah yang difahamkan dengan istilah Relief Bandingan?

(2 markah)

- (b) Tentukan nilai-nilai relief bandingan di dalam tiga kawasan X, Y dan Z yang diliputi oleh grid-grid berikut:



(6 markah)

- (c) Berdasarkan kepada nilai relief bandingan yang diperolehi di dalam 2(b), bincangkan secara ringkas potensi penggunaan tanah di dalam setiap kawasan X, Y dan Z.

(4 markah)

3. (a) Dengan menggunakan kaedah yang sesuai, tentukan keletakan Stesen Trigonometri Bt. Pelarit (PG454353). Berikan jawapan dalam unit garis lintang dan garis bujur.

(4 markah)

- (b) i. Apakah bearing magnet Bt. Pelarit (PG454353) dari Bt. Chabang (PG529310)?

(4 markah)

- ii. Sekiranya sebuah stesen trigonometri baru perlu ditetapkan untuk tujuan kaji ukur, dan stesen itu diletakkan di bearing grid  $33.5^{\circ}$  dari Bt. Pelarit (PG454353) dan bearing grid  $330.5^{\circ}$  dari Bt. Chabang (PG529310), apakah nama tempat yang terdekat dengan stesen itu dan berikan panduan gridnya?

(4 markah)


4. (a) Di dalam peta Padang Besar, senaraikan kaedah-kaedah yang telah digunakan untuk menunjukkan ketinggian sesuatu bentuk bumi.

(6 markah)

- (b) Di antara semua kaedah yang telah dinyatakan di dalam 4 (a), apakah kaedah yang paling berkesan untuk menunjukkan ketinggian bentuk bumi? Berikan sebab-sebabnya.

(6 markah)

5. (a) Dengan menggunakan skala 1:25000, lukis semula Kawasan Q di dalam peta Padang Besar yang diliputi oleh grid-grid berikut:



(6 markah)

- (b) Di dalam peta Q yang telah anda siapkan di dalam 5 (a), terdapat dua batang jalan selari yang terletak jauh di timur dan di barat. Sekiranya sebatang jalan baru perlu dibina untuk menyambungkan kedua-dua jalan tersebut, lukiskan dalam peta cadangan jalan anda dengan memberi sebab-sebab mengapa anda memilih jalan ini.

(6 markah)

**BAHAGIAN B - Jawab DUA (2) soalan (40 markah)**

6. Dengan merujuk kepada peta Padang Besar (Lembar 3270, huraikan ciri-ciri pengkelasan kerja-kerja pemetaan berdasarkan aspek-aspek tampak dan intelektual.

(20 markah)

7. Pandang darat budaya banyak dihubungkaitkan dengan relief sesuatu kawasan. Dengan merujuk kepada peta Padang Besar (Lembar 3270), sejauhmanakah kenyataan ini benar?

(20 markah)

8. (a) Dengan menggunakan kaedah pembahagian order sungai (Strahler), tunjukkan pembahagian tersebut di mana-mana satu lembangan saliran di dalam peta Padang Besar (Lembar 3270).

(5 markah)

- (b) Huraikan sifat-sifat dan ciri-ciri utama pandang darat lembangan saliran yang anda pilih itu.

(15 markah)

9.

JADUAL 1

Sungai	Kepadatan (km/km <sup>2</sup> )
Lembangan A	300 - 900
Lembangan B	2.3 - 3.7
Lembangan C	20 - 40
Lembangan D	3 - 9
Lembangan E	16 - 29

- (a) Daripada Jadual 1 di atas, nyatakan sifat dan jenis batuan yang wujud di kawasan-kawasan tersebut yang mempunyai iklim yang sama.  
(5 markah)
- (b) Huraikan hubungan di antara jenis batuan yang terdapat di sesuatu kawasan dengan pola saliran yang wujud.  
(10 markah)
- (c) Dengan memberikan satu contoh tunjukkan bagaimana kepadatan saliran diperolehi?  
(5 markah)

-ooooooo-